

11/10/1998

## Langkah radikal kawal ekonomi

PETALING JAYA: Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata apabila berhadapan dengan krisis mata wang, Malaysia terpaksa mencari jalan keluar dengan menggunakan cara-cara yang radikal dan luar biasa bagi menangani situasi yang luar biasa.

Sambil menegaskan kesan yang menimpa ekonomi mungkin lebih teruk jika Malaysia tidak berbuat sesuatu, beliau berkata penetapan nilai ringgit pada RM3.80 melalui langkah kawalan tukaran mata wang adalah berdaya cipta dan berinovasi.

Daya cipta dalam menguruskan ekonomi dan kewangan tidak berbeza dengan daya cipta dalam bidang-bidang lain, katanya ketika menyentuh tentang kesan krisis kewangan yang tidak disangka-sangka, dan yang kini telah menular ke seluruh dunia.

"Sikap ortodoks akan mewujudkan kebekuan, mereka yang konservatif tidak akan maju dan mereka yang takutkan perubahan akan layu dan gugur di tempat mereka berpijak," katanya ketika merasmikan Pameran Rekacipta, Inovasi, Rekabentuk Industri dan Teknologi, di sini semalam.

Perdana Menteri berkata "dalam mencipta kaedah baru untuk melakukan sesuatu, adalah elok dilihat semula cara-cara lama untuk mengenalpasti kekuatan dan kelemahannya dan kemudian mengubah suai atau memperbaharui cara-cara lama itu."

"Itulah yang Malaysia lakukan, dengan menoleh ke belakang melihat cara-cara lama di mana nilai wang ditentukan oleh nilai emas serta kadar pertukaran mata wang tetap regim Bretton Woods," katanya.

Bretton Woods adalah peraturan kewangan antarabangsa sebelum perang yang diwujudkan untuk mengawal selia pasaran kewangan termasuk kadar pertukaran tetap dan yang mendorong penubuhan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia.

"Menggunakan semula emas tidak praktikal, tetapi kadar pertukaran tetap Bretton Woods ternyata menghalang pemulihan ekonomi sebelum perang serta kemakmuran sedunia kemudiannya," tegas beliau.

"Ia tidak gagal kerana kadar (pertukaran) ditetapkan, tetapi regim itu (Bretton Woods) gagal kerana negara-negara maju memungkiri janji mereka, kerana mereka menurunkan nilai mata wang masing-masing agar menjadi lebih berdaya saing dan mengatasi kos mereka yang semakin meningkat disebabkan oleh tuntutan upah berlebihan," tambah beliau.

Dr Mahathir berkata dengan mengenal pasti punca kegagalan rumusan Bretton Woods, gagasan menggunakan kadar pertukaran tetap bagi mencapai pemulihan ekonomi menjadi lebih munasabah.

"Negara-negara kaya yang dengan angkuhnya berkata bahawa krisis mata wang di Asia Timur tidak akan menjejaskan mereka kini mendapati diri mereka tidak selamat daripada pedagang mata wang dan kegiatan mereka yang merosakkan itu," katanya.

(END)